

KEPADA ANGGOTA IKHWAN....

Saudara-saudara anggota Ikhwan,

Min al- 'āidīn al-fāizīn al-maqbūlīn – itulah

kami, pucuk pimpinan Ikhwan, mengucapkan selamat berhari raya kepada tiap-tiap anggota Ikhwan khasnya dan kaum Muslimin amnya, sesudah kita sama-sama menunaikan kewajipan kita berpuasa dan mengeluarkan zakat.

Saudara-saudara anggota Ikhwan, hari ini adalah hari yang besar sekali ertinya bagi kita umat Islam di seluruh dunia kerana pada hari ini lazimnya di antara sesama kita ziarah menziarahi menuntut ampun dan maaf di antara seorang dengan seorang dengan hati yang bersih, dengan tulus ikhlas mengharapkan maaf memaafkan di antara satu sesama lain, melupakan kesalahan di antara satu dengan lain dan membaharui azam bersama-sama untuk menghadapi masyarakat kita yang akan datang.

Marilah kita, pada hari yang berbahagia ini dengan seberapa yang boleh di antara anggota Ikhwan dengan anggota Ikhwan berjumpa di antara satu dengan yang lain, menghulurkan tangan persaudaraan, merapatkan dan mengeratkan lagi tali mahabbah di antara sesama kita supaya dapat maju ke hadapan berbimbing tangan menunaikan kewajipan dan tanggungjawab – bukan yang dipertanggungjawabkan oleh pucuk pimpinan Ikhwan – tetapi tanggungjawab yang dipertanggungjawabkan oleh Tuhan alam semesta yang menjadikan kita, Tuhan yang dengan-Nya kita menyerahkan hidup dan mati kita, ibadat

kita, sembahyang kita dan segala-galanya serta pengorbanan yang kita beri yang tidak berharap apa-apa daripadanya selain keredhaan-Nya supaya menjadi satu umat yang berbakti, satu umat yang setia, kepada perjanjian-Nya.

Kita anggota Ikhwan yang telah mengaku taat setia itu hendaklah menanamkan azam pada hari baik bulan baik ini berharap dengan pertolongan Tuhan dapat hendaknya kita maju ke tengah menyeru orang kepada jalan berbuat baik dan menegah orang daripada berbuat jahat. Tunjukkanlah jalan kebaikan itu dengan azam yang kuat, dengan bijaksana dan janganlah kita menjadi orang yang setengah-setengah iman – tidak berani menegakkan yang benar dan yang hak, dan tidak berani memperkatakan sesuatu dengan berterus terang kerana masih ada di dalam dadanya perasaan tengking menengking sehingga terkadang-kadang pada sesuatu saat, tidak berani dengan jelas dan bijaksana menegur saudara-saudaranya yang sesat jalan, yang sudah terpesong kedudukan dan perhatiannya terhadap Tuhan itu.

Apakah kelak yang saudara-saudara anggota Ikhwan akan kenakan di hadapan Tuhan di dalam satu pertemuan yang tidak dapat di elak, apabila ditanya: Apakah tanggungjawab saudara-saudara terhadap masyarakat? Apakah yang telah saudara-saudara lakukan terhadap masyarakat? Dan apakah yang telah saudara tunaikan kepada pengakuan dan janji saudara, yang diucapkan lima kali sehari semalam bahawa “sembahyang, ibadat, hidup dan mati saudara kerana Allah?”

Saudara-saudara anggota Ikhwan, bagi kita manusia yang hidup di dalam dunia ini janganlah memandang hanya kepada apa yang ada di hadapan kita dan hanya megah dengan apa yang ada pada kebesaran datuk nenek kita, tetapi pandanglah ke hadapan jalan nun yang jauh mendaki dan yang berliku-liku bagaimana akan kita menghadapinya supaya selamat menjalankan tanggungjawab kita kepada masyarakat yang dipertanggungjawabkan Tuhan untuk kita melaksanakannya.

Yang jauh tertinggal yang telah kita jalani janganlah kita fikirkan selain daripada memerhatikannya sejenak apa yang baik yang telah kita buat, apa yang tidak baik yang telah kita lakukan supaya ia menjadi perbandingan dan *tamthil* bagaimana kita kelak maju ke hadapan supaya jangan tersalah bawa kepada kesalahan-kesalahan yang telah kita lakukan pada masa-masa yang telah lalu.

Pada hari baik bulan baik ini tidakkah saudara-saudara anggota Ikhwan memenungkan dan memikirkan barang sejenak keadaan buruknya masyarakat kita, masyarakat kaum Islam di dalam serba serbinya? Tidakkah kita melihat keburukan itu dan kalau kita sudah melihat apakah kita telah mempunyai azam untuk memperbaikinya dengan cara-cara kita anggota Ikhwan lebih dahulu menunjukkan perangai-perangai yang baik, kelakuan-kelakuan yang baik, akhlak yang baik supaya menjadi tauladan, supaya menjadi peringatan kepada mereka yang telah lupa daratan, yang telah melupakan kewajibannya kepada Tuhan dan masyarakatnya – menjadi pelanggar, menjadi penempuh apa yang dilarang oleh Allah dan Rasul-Nya dan menjadi pencapak kemuliaan dan kebesaran agama kita yang maha suci.

Saudara-saudara anggota Ikhwan, pada hari baik bulan baik ini rundingkanlah dan carilah jalan

di antara saudara dengan saudara di daerah masing-masing supaya menjadi tentera Allah, tentera Tuhan yang bekerja menyampaikan seruan-seruan Muhammad bin Abdullah (SAW) yang diperintahkan Tuhan menyeru kepada kebaikan dan menegah daripada kejahatan, menjadi umat wisata umat pertengahan dan sederhana dalam kehidupan, sederhana di dalam serba serbi dengan mempelajari budi pekerti yang baik, akhlak yang baik lalu diamalkan supaya menjadi contoh kepada masyarakat yang kucar kacir.

Saudara-saudara anggota Ikhwan, marilah kita berhari raya menyambut *yawm al-mubāarak* ini dengan tidak melupakan sesekali tanggungjawab kita kepada Allah dan menyempurnakan tuntutan dan amanah Rasul yang dipertanggung jawabkannya kepada kita untuk menyampaikan seruan dan amanatnya, untuk menyampaikan seruannya walaupun hanya sepatah yang kita ketahui. Sekianlah selamat berhari raya.

Min al-‘āidīn al-fāizīn al-maqbūlīn wa kullu ‘ām wa antum bi khayr.

Sudahkah saudara menjadi anggota Ikhwan?

